

KESEJAHTERAAN SOSIAL DALAM MEMARTABAT KOMUNITI SULUK: RUANG DAN CABARAN

Mohammad Faizal Rashid

Abstrak

Penulisan ini berkisar tentang komuniti Suluk dalam menempatkan diri mereka sebagai sebahagian daripada komuniti sejahtera di Malaysia. Dalam sepuluh tahun kebelakangan ini, individu mahupun komuniti ini dilihat bersaing dan menyesuaikan diri untuk meningkatkan kualiti hidup. Persaingan ini dilihat penting bagi sesebuah komuniti untuk meneruskan kehidupan dan menambah baik kualiti hidup agar tidak ketinggalan dengan persekitaran semasa. Situasi dalam dasawarsa ini turut mendorong komuniti Suluk untuk berusaha memartabatkan komuniti mereka dalam menikmati taraf sosial yang lebih baik. Oleh itu, artikel ini cuba merungkai persoalan bagaimana Suluk sebagai komuniti minoriti menggerakkan taraf sosial dan kemampuan mereka bersaing dengan komuniti lain di Malaysia.¹ Persoalan ini ditekankan lagi dengan kesan peristiwa pencerobohan Tanduo di Lahad Datu yang jelas melahirkan sentimen tidak sihat komuniti lain kepada komuniti Suluk. Untuk itu, temu bual secara *Focus Group Discussion* (FGD) bersama komuniti Suluk di beberapa kawasan di Lahad Datu telah dilakukan dan hasilnya akan membantu dalam melihat sejauh mana kesejahteraan yang dicapai oleh mereka serta cabaran dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti mereka.² Berdasarkan pada cerapan lapangan berlandaskan kaedah FGD, penulis dapat menemukan beberapa faktor keberadaan Suluk di Lahad Datu. Selain itu, komuniti Suluk terpaksa menerima beberapa cabaran dalam usaha mereka memartabat serta meningkatkan kesejahteraan hidup sebagai komuniti minoriti di Sabah khususnya selepas peristiwa Tanduo berlaku.

Kata kunci: *Kesejahteraan sosial, komuniti suluk, kualiti hidup, taraf sosial.*

Abstract

This article discuss about the Suluk community in putting themselves as past of the peaceful community in Malaysia. During the course of the previous decade, individual or communal Suluk has been seen adapting and competing to improve their quality of life. This competition has been perceived as important for a community to survive and upgrade their quality of life as to not be left behind in our current environment. The situation from this decade also had pushed the Suluk to thrive for the prestige of their community in enjoying better social standard. Therefore, this paper work tries to unravelled the questions on how the Suluk, as a minor community moved the social standard and will they be able to compete with the rest of Malaysian community. The question will be pressed further with the after-effect of Tandu's invasion incident in Lahad Datu, which clearly creates non-healthy sentiments of outside community towards the Suluk community itself. Therefore, an FGD interviews with the Suluk community in a few area has been conducted and the result will help in determining how far they had achieved their own well-being and what is the challenges faced in improving the prosperity of their community. Based on field observation through the method of FGD, researchers had found a few factors for the existence of Suluk in Lahad Datu. Furthermore, the Suluk community had to deal with a few challenges in their effort to bring prestige for their community and to improve their communal well-being as a minority of Sabah, especially after Tandu's incident.

Keywords: *Social well-being, Suluk community, quality of life, social standard.*

Pengenalan

Perubahan zaman telah menuntut setiap bangsa untuk bersaing menjadi lebih baik dan maju ke hadapan bagi mengelakkan diri daripada terus ketinggalan. Untuk terus bersaing dan berasimilasi dengan persekitaran moden ini, sesuatu bangsa itu perlu meningkatkan kualiti hidupnya. Dalam situasi ini, kualiti sesebuah bangsa itu sering disinonimkan dengan kualiti manusianya. Situasi tersebut merupakan realiti yang terpaksa dihadapi oleh sesebuah

bangsa untuk berada di aras kesejahteraan sosial (kualiti hidup yang lebih baik) dengan cara mengukuhkan sumber alam dan sumber manusia.

Pengukuran kesejahteraan sesebuah bangsa dilihat sebagai sesuatu yang tidak mutlak. Hal ini disebabkan cara setiap bangsa itu menempatkan diri mereka di aras kesejahteraan dilihat secara meluas dan tidak terikat dengan pengukuran yang mutlak. Dalam konteks ini, keberadaan kesejahteraan sesebuah bangsa mempunyai standardnya yang tersendiri berdasarkan kepada persekitaran yang dianuti oleh mereka. Lazimnya, cara pandang manusia kini terhadap kesejahteraan itu ditandai dengan sifat-sifat material (fizikal) seperti bangunan, kenderaan, teknologi serta industrialisasi. Cara pandang seperti ini dilihat sempit kerana kesejahteraan manusia boleh dipandang dari sisi bukan fizikal dan bukannya fizikal semata-mata.

Dalam mencapai kesejahteraan itu, individu mahupun komuniti itu perlu melihat diri mereka, sama ada kehidupan yang dilalui sekarang memuaskan ataupun berada dalam kesengsaraan dalam mencapai kehidupan hidup yang lebih baik. Persoalan ini sebenarnya berada dalam fikiran mana-mana manusia dan dengan itu timbul usaha untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Lantaran itu, penulisan ini meneliti keberadaan komuniti Suluk masa kini yang bersaing untuk memartabatkan komuniti mereka dengan ruang dan peluang yang ada serta cabaran yang harus ditempuhi.

Metodologi Kajian

Dalam melihat usaha komuniti Suluk memartabatkan diri mereka ke arah hidup yang lebih sejahtera, suatu kajian citra dan aspirasi sosiopolitik komuniti Suluk telah dilakukan di Lahad Datu. Kajian yang dilakukan ini mempunyai beberapa fasa. Pada fasa awal, kajian ini lebih bersifat tinjauan awal. Bagi mendapatkan data serta maklumat tentang citra dan sosiopolitik komuniti Suluk, sebuah temu bual secara FGD telah dilakukan antara penulis dengan ketua masyarakat dan komuniti Suluk.³ FGD yang dilakukan ini terarah kepada sejarah dan pandangan

komuniti Suluk masa kini terutamanya selepas peristiwa Tanduo. Selain itu, temu bual secara FGD ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan data literasi politik dan budaya komuniti Suluk. Dalam kes Lahad Datu ini, empat kawasan telah dipilih yang mana komposisi etnik kawasan terbabit ditunjangi oleh komuniti Suluk. Antara kawasan yang dijadikan sasaran dalam mendapatkan data dan maklumat ialah Kampung Puyut, Kampung Lok Buani, Kampung Silam dan Kampung Tambisan.

Dalam penulisan ini, kaedah temu bual secara FGD digunakan bagi melihat bagaimana komuniti Suluk memartabat dan memelihara kesejahteraan hidup mereka. Pada masa yang sama, kaedah kajian yang diguna pakai ini dapat melihat cabaran mereka dalam memelihara kesejahteraan hidup. Hasil FGD ini akan membentuk sebuah manuskrip dan dianggap sebagai ketajaman lidah komuniti Suluk dalam menyampaikan mesej berkenaan isu dan harapan mereka dalam meningkatkan kualiti serta kesejahteraan hidup.

Latar Belakang Kawasan Kajian

Menyentuh sedikit tentang daerah Lahad Datu, ia merupakan sebuah daerah yang terletak di tenggara Sabah dan bersempadan dengan daerah Kinabatangan di sebelah timur laut, manakala Kunak, Semporna dan Tawau di sebelah selatan. Dari segi keluasan, Lahad Datu mempunyai keluasan sebanyak 6,501 kilometer persegi atau 687,372 hektar meliputi daerah Tungku. Menurut bancian yang dibuat pada tahun 2010, jumlah penduduk daerah Lahad Datu termasuk Tungku ialah 195,865 orang (Pejabat Daerah Lahad Datu, 2013).

Lahad Datu mempunyai bentuk muka bumi yang menarik dan pada masa yang sama ia membantu usaha kerajaan dari segi ekonomi. Salah satunya ialah bentuk geografi semula jadi Teluk Darvel dan keistimewaanannya menjadikan Lahad Datu mempunyai pelabuhan yang selamat dari sebarang ancaman bencana alam kerana terlindung dengan Pulau Sakar. Seterusnya, Lahad Datu merupakan penyumbang sosioekonomi yang terbesar di Sabah untuk jangka masa panjang

dengan hasil perladangan yang luas, terutamanya menerusi sumber kelapa sawit di mana adanya pewujudan *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC) yang bertaraf dunia di sini. Sumber pertanian lain yang memberi sumbangan kepada ekonomi daerah ini ialah kelapa kering, getah dan koko. Hasil laut seperti ikan, udang harimau, ketam dan rumpai laut juga merupakan salah satu sumber ekonomi di daerah ini. Kini, Lahad Datu mempunyai dua kawasan pelancongan yang bertaraf dunia iaitu Lembah Danum dan Pusat Hidupan Liar Tabin yang sering kali dikunjungi oleh pelancong dalam dan luar negara (Pejabat Daerah Lahad Datu, 2013).

Pemilihan Lahad Datu sebagai kawasan kajian ini bersesuaian dengan letaknya di bawah jagaan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) dan sinonim dikaitkan dengan peristiwa pencerobohan Tanduo yang mana terletak dalam daerah Lahad Datu. Beberapa petempatan Suluk di Lahad Datu telah disasarkan seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Konsep Kesejahteraan Sosial

Kesejahteraan sosial mempunyai pengertian yang luas dan beberapa pendekatan. Menurut sarjana Barat seperti Freidlander, konsep kesejahteraan sosial adalah suatu program yang didasari oleh kerangka pemikiran ilmiah dalam memenuhi keperluan-keperluan asas manusia (R.A. Anggraeni, 1996). Kesejahteraan sosial menurut Pertubuhan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula ialah kegiatan yang terorganisasi, yang ditujukan untuk membantu individu atau masyarakat dalam memenuhi keperluan-keperluan asas dan pembangunan kesejahteraannya yang sesuai dengan kepentingan keluarga dan masyarakat (R.A. Anggraeni, 1996).

Haris Abd. Wahab (2010) pula menyatakan kesejahteraan sosial merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh semua individu, keluarga dan komuniti. Ia merupakan elemen utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah komuniti. Konsep kesejahteraan sosial

menjelaskan strategi merubah sesebuah komuniti berdasarkan pendekatan yang berkaitan dengan aspek pengurusan masalah sosial, pemenuhan keperluan hidup dan penyediaan peluang mobiliti sosial dalam komuniti. Pemahaman terhadap ketiga-tiga elemen kesejahteraan sosial ini akan membantu pembuat dasar dan pelaksana program dalam melancarkan usaha meningkatkan kualiti hidup individu, keluarga dan komuniti.

Seterusnya, Johnston *et al.* (2000) menyatakan konsep kesejahteraan sosial ialah darjah sejauh mana keperluan dan kehendak penduduk dipenuhi (Asmah Ahmad & Rosniza Aznie, 2011). Ia menggambarkan kualiti hidup yang dinikmati oleh individu atau kumpulan. Kualiti hidup pula ialah keadaan kesejahteraan penduduk yang ditanggapi atau seperti mana dikenal pasti melalui petunjuk atau indikator. Secara luas, kesejahteraan sosial boleh diertikan sebagai satu proses pelbagai dimensi yang melibatkan kesejahteraan kedua-dua aspek kuantiti dan kualiti dalam kehidupan masyarakat. Justeru, kesejahteraan sosial lebih mudah difahami melalui pencerakinan komponennya.

Tahap kesejahteraan sosial dititikberatkan dalam komuniti moden hari ini kerana kebanyakan mereka telah didedahkan dengan hak dan peluang untuk merealisasi potensi kehidupan sosial mereka. Kesejahteraan sosial mempunyai hubungan langsung dengan kualiti hidup komuniti. Apabila keadaan kesejahteraan sosial baik, ia akan dapat memastikan tahap perkembangan dan kemajuan masyarakat yang ingin dan juga dicapai akan dapat direalisasikan (Haris Abd. Wahab, 2010). Tuntasnya, kesejahteraan sosial merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh setiap manusia. Hal ini termasuk juga komuniti Suluk yang ingin mencapai matlamat seperti keperluan asas hidup dan kepentingan mereka. Dengan tercapainya matlamat tersebut, maka mereka dapat menggerakkan taraf sosial dan memartabatkan komuniti.

Suluk di Lahad Datu

Sebelum menyentuh hal berkaitan kesejahteraan sosial dengan komuniti Suluk, amat penting untuk memahami keberadaan komuniti Suluk di Lahad Datu.⁴ Keberadaan komuniti Suluk di Sabah lazimnya dikaitkan dengan bahagian pantai timur Sabah. Lahad Datu sendiri merupakan daerah tertinggi yang mempunyai bilangan penduduk etnik Suluk. Menurut Jabatan Perangkaan Negara (2010) dalam Wan Shawaluddin (2013), jumlah suku Suluk yang ada di Sabah ialah seramai 79,205 orang. Taburan tertinggi suku Suluk di Sabah ialah di Sandakan (22,290 orang) dan disusuli dengan beberapa daerah lain seperti Kota Kinabalu (11,412 orang) dan Lahad Datu (10,709 orang). Dalam membincangkan keberadaan Suluk di Lahad Datu, penulis menghuraikannya secara umum berdasarkan kepada beberapa faktor. Berpandukan kepada kajian literatur serta perolehan data di lapangan, penulis dapat menemukan beberapa faktor keberadaan Suluk di Lahad Datu. Antaranya ialah faktor sejarah wilayah, faktor konflik di selatan Filipina dan faktor geografi (sempadan).

Faktor Sejarah Wilayah Kesultanan Sulu

Dari aspek sejarahnya, komuniti Suluk ini sudah ribuan tahun bertapak dan tinggal di Sabah ekoran luasnya empayar Kesultanan Sulu suatu ketika dahulu.⁵ Dari segi maksudnya, nama Lahad Datu itu sendiri merujuk kepada bahasa Suluk yang mana 'Lahad' itu bermaksud 'tempat,' manakala Datu itu merujuk kepada 'gelaran pembesar komuniti' Suluk pada era kesultannya. Lahad Datu mendapat nama kerana penghijrahan golongan datu-datu dari kerajaan Suluk yang diketuai oleh Datu Puti sebelum tahun 1879 akibat daripada penyerahan kuasa kawasan ini oleh Sultan Brunei kepada Sultan Suluk. Bermula pada tahun 1890, penghijrahan Kerajaan Suluk mula menguasai sebahagian dari Pulau *North Borneo* (Pejabat Daerah Lahad Datu, 2013).

Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Kee Sabariah dan Asmiaty Amat (2012), yang menurut mereka, dari sumber sejarah

sumber sejarah etnik Suluk berasal dari Kepulauan Sulu. Kerajaan Brunei telah menghadiahkan Sultan Sulu wilayah jajahannya di Borneo Utara (Sabah) kerana berjaya membantu Sultan Brunei menamatkan perang saudara yang berlarutan selama sepuluh tahun. Sejak itu, etnik Suluk mula berhijrah ke sebahagian besar wilayah Borneo Utara. Kesimpulannya, sejarah lampau telah membuktikan bahawa terdapat satu hubungan yang rapat antara penduduk wilayah Sulu dan Sabah dan ia dikaitkan dengan penghijrahan orang Suluk ke Sabah.⁶

Faktor Konflik Selatan Filipina

Seterusnya, faktor keberadaan lain komuniti Suluk di Lahad Datu dapat dikaitkan dengan konflik yang berlaku di selatan Filipina. Konflik yang berlaku ini menyebabkan berlakunya penghijrahan beramai-ramai dari selatan Filipina ke Lahad Datu. Penghijrahan ini adalah ekoran daripada peristiwa perang yang berlaku di Filipina. Hal ini dibuktikan melalui perolehan data temu bual di Kampung Puyut. Menurut seorang responden yang bernama Satra, perang ini adalah disebabkan perebutan tanah dan kesempitan hidup di selatan Filipina.⁷ Tambah beliau lagi, sekiranya tidak berlaku perang, mereka tidak akan berpindah atau berhijrah ke bumi Sabah. Selain itu juga, faktor atau dorongan mereka berhijrah ke sini adalah disebabkan faktor penindasan masyarakat Kristian terutamanya dari Kepulauan Luzon terhadap masyarakat Islam di selatan Filipina.

Faktor ini dikukuhkan lagi dengan sejarah pembukaan beberapa buah petempatan atau kampung di daerah Lahad Datu. Sebagai contoh, pembukaan Kampung Lok Buani yang telah dibuka sejak tahun 1920-an. Mengikut sejarah, pembukaan kampung ini dikaitkan dengan penghijrahan penduduk selatan Filipina ke Borneo ekoran daripada peristiwa perang Jepun. Peristiwa perang itu menyebabkan masyarakat di sana sukar untuk mencari mata pencarian di samping pentadbiran politik yang tidak stabil. Pada masa yang sama, berlakunya peperangan yang berunsurkan keagamaan, di mana berlakunya penindasan masyarakat Kristian terhadap masyarakat Islam di selatan Filipina.⁸ Berdasarkan


kepada temu bual dan FGD di dua kawasan berlainan, dapatan awal mendapati faktor konflik di selatan Filipina merupakan faktor utama keberadaan serta kedatangan awal komuniti Suluk di Lahad Datu.

Faktor Geografi (Sempadan)

Faktor seterusnya yang mendukung keberadaan Suluk di Lahad Datu ialah faktor geografi. Faktor geografi di sini merujuk kepada letakan Lahad Datu di mana jika di peta dapat dilihat keterbukaan sempadan laut yang luas dan kedudukan Lahad Datu yang hampir dengan Filipina. Faktor ini jugalah yang telah menjadi pendorong komuniti Suluk dari selatan Filipina untuk memasuki sempadan kita yang begitu luas.

Perkara ini dibuktikan melalui dapatan data FGD di Lok Buani. Menurut responden Abdul Bakar bin Palah, kawasan Lok Buani merupakan salah satu kawasan kemasukan utama imigran selatan Filipina.⁹ Hal ini disebabkan letakannya yang berhampiran dengan perairan Sulu seperti Pulau Sibutu yang perjalanannya mengambil masa 20 minit, Pulau Bunggou yang jaraknya hanya 100 kilometer dan juga Pulau Setangkai yang berhampiran dengan Semporna.

Peta 1 Peta sempadan Lahad Datu dengan Kepulauan Filipina



Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada <http://talkwithhand.blogspot.com/2013/03/eksklusif-taktik-penceroboh-masuk-ke.html>

Namun demikian, ketiga-tiga faktor ini dapat dikaitkan oleh penulis dengan gelombang masyarakat Suluk ke Sabah. Menurut Wan Shawaluddin (2013) dalam penulisannya tentang ‘Komuniti Suluk dalam Operasi di Sabah,’ terdapat dua pandangan berhubung kemasukan suku Suluk ke Sabah.¹⁰ Pertamanya, kehadiran Sulu di Sabah boleh ditinjau menerusi tiga gelombang (Mokhtar Hajirin, 2013):

- 1) Gelombang pertama sebelum merdeka – mereka dianggap sebagai bumiputera Sabah (Kampung Silam dan Kampung Tambisan).
- 2) Gelombang kedua 1970-an selepas pergolakan di selatan Filipina – mereka mempunyai IMM 13 (Kampung Puyut).
- 3) Gelombang ketiga 1980-an – mereka dianggap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan terdapat di petempatan kampung air di seluruh Sabah.

Pandangan kedua pula dapat dilihat melalui lima gelombang (Dayang Khadijah Datu Bachtial, 2013):

- 1) Mereka yang sudah berada di Sabah sejak abad ke-18.
- 2) Mereka yang datang sebelum Sabah merdeka.
- 3) Mereka yang datang selepas Sabah merdeka.
- 4) Mereka yang datang sewaktu konflik di selatan Filipina.
- 5) Mereka yang datang sebelum tahun 1980-an dan dianggap sebagai pendatang ekonomi.

Menurut Wan Shawaluddin (2013) lagi, kedua-dua gelombang yang dikemukakan ini boleh diterima kerana masing-masing mempunyai hujah tersendiri. Meskipun kedua-dua gelombang ini berbeza, ia membantu menjelaskan kehadiran komuniti atau suku Suluk di Sabah.

Lantaran itu, dapat disimpulkan keberadaan komuniti Suluk kini di Sabah khususnya yang berstatus pendatang asing tanpa izin PATI adalah disebabkan ruangan Malaysia yang berpotensi menjadi ‘lubuk’ dalam menggerakkan taraf sosial mereka. Apa yang dimaksudkan ‘lubuk’ ini ialah wujudnya peluang ekonomi, selain daripada kestabilan

politik dan keselamatan Malaysia yang terjamin. Hal ini telah membuka akal fikir mereka untuk datang berhijrah dan memartabatkan kehidupan mereka supaya lebih sejahtera. Pandangan ini bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Thelma dalam R.A. Anggraeni (1996) berhubung kesejahteraan sosial. Menurut beliau, kesejahteraan sosial dipengaruhi oleh kehidupan masyarakat sebagai penyatuan dan lebih asas lagi adalah dipengaruhi oleh falsafah bangsa dan negara. Pengaruh falsafah sesebuah negara seharusnya melihat kepada keadaan semasa negara Malaysia yang lebih baik daripada keadaan di selatan Filipina.

Sebelum itu, penulis tidak menolak sama sekali faktor keberadaan masyarakat Suluk di Lahad Datu sebagai faktor sokongan untuk memenuhi keperluan sosial mereka. Sebagai contoh, faktor keadaan selatan Filipina dan apa yang berlaku di sana telah mendorong mereka untuk berhijrah ke Sabah kerana peluang untuk meningkatkan kesejahteraan hidup lebih terbuka dan lebih selamat di negeri ini.

Ruang Kesejahteraan Sosial

Pemahaman tentang kesejahteraan sosial sebelum ini telah menjelaskan bahawa usaha kesejahteraan sosial merupakan usaha dalam memenuhi hak dan matlamat yang berhak diperoleh bagi setiap individu, keluarga dan komuniti. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan usaha memenuhi hak atau keperluan komuniti Suluk melalui ruang serta peluang yang sedia ada bagi mencapai matlamat kesejahteraan sosial.

Mengikut Midgley (1995) dalam Haris Abd. Wahab (2010), kesejahteraan sosial sesuatu komuniti ditentukan oleh tiga aspek, iaitu pengurusan masalah sosial, pemenuhan keperluan hidup dan peluang mobiliti sosial dalam masyarakat. Kewujudan ketiga-tiga elemen kesejahteraan sosial ini akan menyediakan masyarakat dengan keadaan persekitaran yang selamat, kepuasan menyeluruh terhadap keperluan asas dan memaksimumkan peluang mobiliti sosial. Dengan itu, ahli komuniti bebas untuk membangunkan potensi diri, terlibat secara aktif

dalam aktiviti yang dilaksanakan dan memberi sumbangan kepada komuniti secara keseluruhannya (Adriaansens, 1994; Fraser & Gordon, 1994; Midgley, 1995).

Bagi mencapai kesejahteraan sosial itu, ia sangat bergantung kepada masyarakat dan negara, di mana tiga elemen seperti ini perlu ditekankan:

- 1) Sejauh mana masalah-masalah sosial dapat diatur.
- 2) Sejauh mana keperluan-keperluan sosial dipenuhi.
- 3) Sejauh mana peluang untuk meningkatkan taraf hidup dapat diselesaikan.

Berdasarkan kepada tiga elemen yang dinyatakan, ia secara jelas menggambarkan bagaimana komuniti Suluk ini menguruskan kekurangan yang mereka ada dan bagaimana mereka menggunakan sumber dalam menangani masalah sosial serta memajukan diri mereka. Usaha ke arah memartabat dan meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti Suluk dapat dilihat menerusi pekerjaan yang dilakukan oleh komuniti ini. Berdasarkan dapatan di lapangan, rata-rata pekerjaan utama komuniti Suluk ialah bekerja sendiri dan berniaga, ada juga yang bekerja di sektor swasta. Cerapan di lapangan turut mendapati komuniti Suluk kurang menceburi pekerjaan di sektor kerajaan.

Jika dilihat pada hasil analisis FGD, bidang pekerjaan tertinggi komuniti Suluk ialah bekerja sendiri dan berniaga. Hasil analisis ini dibuktikan menerusi dapatan FGD di Lok Buani iaitu majoriti pekerjaan komuniti Suluk di kawasan tersebut ialah petani dan nelayan (bekerja sendiri). Begitu juga dengan hasil dapatan FGD di Kampung Puyut yang menyatakan pekerjaan utama komuniti Suluk di situ ialah berniaga. Hasil dapatan FGD di lapangan memberikan sedikit gambaran bahawa komuniti Suluk menguruskan kekurangan yang mereka ada dengan memanfaatkan peluang atau sumber yang ada. Dengan cara ini, mereka dapat menggerakkan taraf sosial dan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

Dari segi pendapatan, rata-rata daripada mereka berpendapatan RM 1,500 ke bawah dan yang diwajarkan dengan bidang pekerjaan yang mereka ceburi. Walaupun rata-rata responden mempunyai nilai pendapatan yang rendah, ia tidak menggambarkan tahap kesejahteraan hidup mereka juga adalah rendah. Hal ini demikian kerana pencapaian kesejahteraan sosial komuniti Suluk berdasarkan pekerjaan dan pendapatan tidak dapat mewakili nilai kesejahteraan hidup secara tepat. Menurut apa yang dikatakan oleh Siti Hajar (2011), ukuran kesejahteraan sosial merupakan perkara yang amat subjektif dan tidak boleh diukur dengan hanya menerusi petunjuk ekonomi, kekayaan material dan pertumbuhan ekonomi sahaja.

Cabaran Memelihara Kesejahteraan Hidup Komuniti Suluk

Menurut Haris Abd. Wahab dan Abd. Hadi Zakaria (2012), pembangunan komuniti melibatkan siri aktiviti perancangan berterusan untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti. Dalam bidang pembangunan sosial berhubung kesejahteraan hidup, sesebuah masyarakat tidak boleh diukur dengan hanya menerusi petunjuk ekonomi, kekayaan material dan pertumbuhan ekonomi sahaja (Siti Hajar, 2011). Untuk itu, Midgley (1995) berpendapat, kesejahteraan hidup masyarakat perlu dilihat dari aspek bagaimana sesebuah masyarakat menguruskan kekurangan keperluan yang dialami oleh anggota masyarakat, bagaimana masyarakat sanggup menangani masalah sosial yang mengancam keharmonian mereka serta bagaimana masyarakat menyediakan pelbagai peluang untuk anggota masing-masing memajukan diri (Siti Hajar, 2011).

Memandangkan masalah sosial wujud di kebanyakan negara, maka kesejahteraan sosial perlu dinilai menerusi usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan dan anggota masyarakat dalam menjamin dan memelihara keadaan hidup yang harmoni, selamat dan membangun secara seimbang dalam segenap aspek kehidupan (Siti Hajar, 2011). Dalam usaha memartabat serta memelihara kesejahteraan hidup komuniti Suluk, Malaysia telah digemparkan dengan peristiwa pencerobohan Tanduo

di Lahad Datu. Pencerobohan ini dilihat sebagai cabaran utama dalam memelihara kesejahteraan hidup mereka kerana pencerobohan tersebut dikaitkan secara langsung dengan komuniti Suluk. Peristiwa tersebut secara jelas telah menggugat serta meruntuhkan binaan kesejahteraan sosial mereka dan apa yang dimaksudkan dengan kata ‘runtuh’ di sini ialah terjejasnya citra komuniti Suluk ekoran daripada pandangan serta sentimen masyarakat lain terhadap komuniti Suluk.

Dalam melihat cabaran kesejahteraan hidup ekoran daripada peristiwa pencerobohan tersebut, penulis melihat ia kepada dua pandangan, iaitu *authority-define* dan *everyday define*.¹¹ *Authority-define* merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh kerajaan dalam memelihara kesejahteraan hidup komuniti Suluk, manakala *everyday-define* pula merujuk kepada peranan serta pandangan komuniti lain terhadap masyarakat Suluk. Hal ini bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh R.A Anggraeni (1996) bahawa untuk meningkatkan kesejahteraan sosial, perlu adanya usaha-usaha yang dilakukan oleh pemerintah mahupun oleh masyarakat.¹²

Pertama sekali, peranan kerajaan atau pemimpin dilihat penting dalam membantu serta memelihara kesejahteraan hidup rakyatnya. Dalam konteks komuniti Suluk, kerajaan dilihat menitikberatkan kesejahteraan hidup mereka. Hal ini dibuktikan dalam RMK-10, iaitu dalam rancangan tersebut komuniti Suluk dianggap sebagai komuniti minoriti bumiputera di Sabah dan merupakan antara kumpulan sasar yang diberi perhatian oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan keupayaan bumiputera di Sabah.¹³ Usaha tersebut dilakukan melalui program pembangunan bersepadu dan bantuan peningkatan keupayaan khusus bagi mengurangkan insiden kemiskinan yang tinggi dalam komuniti bumiputera di Sabah. Hasil daripada usaha kerajaan itu, komuniti Suluk akan menikmati manfaat serta dapat mengurangkan insiden kemiskinan dalam kalangan mereka.

Hal ini bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Haris Abd. Wahab dan Abd. Hadi Zakaria (2012), iaitu aliran dan pendekatan

pembangunan komuniti sebagai satu wadah mewujudkan perubahan dalam komuniti, masyarakat dan negara telah dilaksanakan sejak 1957.¹⁴ Sehingga akhir tempoh RMK-6, amalan kerja membangunkan komuniti di Malaysia dipelopori oleh kerajaan dengan pendekatan yang lebih cenderung kepada pendekatan ‘atas-bawah.’

Dari sisi pemerintah, kerajaan khususnya telah menyediakan kemudahan-kemudahan dalam usaha memenuhi keperluan komuniti Suluk. Perkara ini dinyatakan oleh Abdul Bakar bin Patah, iaitu kerajaan telah memberi kemudahan yang terbaik di Lok Buani dengan menyediakan kemudahan jalan raya, bekalan elektrik dan menyediakan sekolah rendah. Dengan adanya kemudahan yang bersifat pembangunan sosial, jelas membuktikan kerajaan memandang serius langkah memelihara kesejahteraan sosial komuniti Suluk.

Sebagai contoh, hal ini dikukuhkan lagi dengan dapatan FGD di lapangan tentang peluang pendidikan yang diterima komuniti Suluk. Pendidikan komuniti Suluk di sini dapat dilihat melalui dapatan profil responden dari temu bual melalui FGD. Berdasarkan temu bual dengan responden berbangsa Suluk, didapati rata-rata responden mendapat peluang pendidikan yang disediakan oleh kerajaan. Kebanyakan daripada responden mendapat kelayakan akademik sehingga peringkat menengah rendah dan ada juga segelintir di antara mereka mendapat kelayakan akademik sehingga peringkat pengajian tinggi. Pendidikan merupakan salah satu cabang dalam pembentukan pembangunan sosial, justeru komuniti Suluk juga tidak dipinggirkan dari segi pembangunan sosial.

Selain itu, ada juga bantuan-bantuan lain oleh kerajaan dalam membantu rakyat. Satra, seorang responden dari Kampung Puyut menyatakan kerajaan ada memberi bantuan kepada komuniti Suluk. Namun, bantuan itu hanyalah dari segi pemberian zink, tangki dan dram. Tambah beliau lagi, amat mendukacitakan apabila bantuan kerajaan atau pemimpin seperti itu sebenarnya lebih bersifat kepentingan politik. Hal ini demikian kerana bantuan kerajaan itu hanya diberikan menjelang pilihan raya.

Dari sudut *everyday-define* pula, perkaitan kesejahteraan hidup dengan komuni Suluk dilihat melalui pandangan komuniti lain lebih-lebih lagi selepas peristiwa pencerobohan. Konsep *everyday-define* ini dilihat penting kerana ia lebih bersifat *bottom-up*, yang mana pihak yang lebih bawah atau komuniti yang terlibat itu sendiri menjadi aktor utamanya (Mohammad Faizal & Ramli Dollah, 2013). Menurut Shamsul Amri (2011), kekuatan dari sudut *everyday-define* ini ialah masyarakat tidak segan silu untuk menyuarakan ketidakpuashatian mereka terhadap apa sahaja yang mereka tidak suka.¹⁵ Situasi ini akan mewujudkan perilaku masyarakat dalam mendebatkan kekurangan dan menyuarakan pendapat mengenai segala apa yang mereka fikir tidak sempurna. Yang mana secara umumnya, didapati konsep *everyday-define* mampu menjadi alat praanalisis kesejahteraan sesebuah masyarakat.

Sebagai contoh, ia dapat dikaitkan dengan peristiwa pencerobohan di Tanduo yang menurut dapatan FGD di petempatan Suluk di Kampung Puyut mulai terkenal selepas berlakunya peristiwa pencerobohan tersebut.¹⁶ Berdasarkan kepada perbincangan melalui FGD, mereka menyatakan ramai wartawan dari Malaysia dan luar seperti dari PBB dan Manila yang datang ke Kampung Puyut untuk mendapatkan maklumat dan pandangan penduduk kampung tentang peristiwa pencerobohan. Tambah mereka lagi, selepas peristiwa Tanduo, persepsi masyarakat lain terhadap masyarakat Suluk mula berubah. Sebagai contoh, sekiranya ada jenayah yang berlaku, tuduhan masyarakat lebih terarah kepada komuniti Suluk sedangkan pelakunya adalah dari komuniti lain. Menyentuh tentang peristiwa pencerobohan itu juga, mereka menyatakan majoriti komuniti yang terlibat dalam pencerobohan itu bukanlah komuniti Suluk tetapi oleh komuniti lain. Mereka berpandangan, kaum Suluk yang terlibat itu ialah kaum Suluk yang datang dari selatan Filipina dan bukanlah bumiputera Suluk yang tinggal di Sabah. Menurut mereka lagi, ramai Suluk pendatang yang tinggal di Kampung Puyut. Untuk membezakan bumiputera Suluk dengan Suluk bukan bumiputera ialah melalui bahasa. Sekiranya tidak mahir berbahasa Melayu, mereka biasanya terdiri daripada orang baharu (pendatang).

Perkara yang sama turut diluahkan oleh komuniti Suluk yang tinggal di Kampung Silam. Menyentuh tentang peristiwa pencerobohan Tanduo, telah lahir rasa kecewa oleh komuniti Suluk di Kampung Silam kerana isu pencerobohan yang berlaku itu seolah-olah menuduh komuniti Suluk sahaja yang terlibat dalam pencerobohan terbabit. Padahal mengikut mereka, rata-rata yang melakukan pencerobohan itu adalah daripada kaum Bajau. Menurut mereka, terdapat perbezaan antara istilah Sulu dengan Suluk. Daripada apa yang dijelaskan, Sulu adalah komuniti (PATI) yang datang dari Filipina, manakala Suluk pula berstatus bumiputera, yakni yang telah lama tinggal di Sabah dan mempunyai MyKad. Tambah mereka lagi, terdapat beberapa ciri dalam membezakan komuniti Sulu dengan Suluk. Antaranya dari segi fizikal, loghat dan sifat sopan. Sebagai contoh, komuniti Sulu (PATI) tidak pandai berbahasa Melayu dan bersifat biadap.

Namun, berbeza dengan pandangan Haji Abdul Rani bin Hj. Habirin, komuniti Suluk sama ada bumiputera atau asing di Kampung Silam sama sekali tidak mencampuri dan terlibat sama dalam pencerobohan Tanduo.¹⁷ Hal ini disebabkan masyarakat Suluk yang sudah tinggal di sini mempunyai kesedaran seperti kesusahan hidup di Filipina dan berasa syukur dapat hidup di bumi Malaysia ini. Tambah beliau lagi, jika ada PATI sekali pun, mereka tidak terlibat dan mereka yang datang di sini mengikut budaya dan cara hidup masyarakat setempat.

Pengalaman Hussin bin Mariasin selama empat tahun sebagai Pengerusi JKK Kampung Silam, beliau mengakui ada PATI yang turut tinggal di kampung beliau.¹⁸ Namun demikian, beliau memimpin secara adil dan tidak membeza-bezakan Suluk tempatan dengan Suluk asing. Bagi beliau, Suluk pendatang ini tidak semua jahat dan ada yang baik. Tambah beliau, komuniti Suluk bukan bumiputera yang tinggal di Kampung Silam rata-ratanya baik, pemurah dan mudah menghulurkan bantuan. Sekiranya ada kekalutan, beliau sendiri akan datang memberi nasihat kepada mereka dan mereka memberi kerjasama serta respons yang positif.

Peristiwa pencerobohan Tanduo yang menjadi titik hitam telah memberi impak kepada komuniti Suluk bumiputera. Rata-rata komuniti Suluk bumiputera menyatakan rasa kecewa dengan tuduhan dan sentimen masyarakat berikutan peristiwa pencerobohan tersebut. Persepsi negatif masyarakat lain terhadap masyarakat Suluk telah mendatangkan kesan kepada komuniti Suluk tempatan. Komuniti Suluk berharap agar masyarakat lain mengubah persepsi negatif mereka terhadap komuniti Suluk.

Kesimpulan

Daripada dapatan yang diperoleh menerusi kajian lapangan di empat buah kampung, didapati keberadaan komuniti Suluk di Lahad Datu dapat dikaitkan dengan beberapa faktor. Faktor-faktor seperti ekoran peristiwa perang, ketidakstabilan politik dan ekonomi, serta penindasan agama yang berlaku di selatan Filipina telah menjadi tunjang kepada keberadaan komuniti Suluk di Sabah dalam usaha mereka menggerakkan kesejahteraan hidup di negara kita yang lebih baik berbanding di negara asal. Ia ditambah lagi faktor sempadan laut yang terbuka. Hal ini dikukuhkan dengan gelombang kehadiran komuniti Suluk ke Sabah, bermula dari zaman Kesultanan Sulu sehinggalah gelombang sekarang (PATI).

Pada masa yang sama, timbul sentimen terhadap komuniti Suluk yang dilihat menjadi cabaran dalam usaha memartabat dan memelihara kesejahteraan hidup mereka. Untuk itu, kerajaan harus peka dalam memelihara serta memartabatkan semula citra dan kesejahteraan hidup komuniti Suluk, khususnya sebagai komuniti minoriti di Sabah ini. Sejajar dengan itu, penting bagi kerajaan khususnya dalam mengidentifikasikan semula konsep serta pemecahan komuniti Suluk yang secara amnya terbahagi kepada dua, iaitu Suluk tempatan dan Suluk pendatang (PATI). Perkara sebegini dapat dibezakan melalui pendekatan atau takrifan *everyday-define* melalui aspek budaya, bahasa, penampilan serta sifat santun mereka. Melalui cara dan

pendekatan ini, ia dapat memberi penjelasan kepada komuniti lain dalam mengenali dan membezakan komuniti Suluk tempatan dan komuniti Suluk pendatang (PATI).

Nota

- ¹ Dalam RMK-10, etnik Suluk dikategorikan sebagai etnik minoriti bumiputera di Sabah.
- ² *Focus Group Discussion* (FGD) telah dilakukan di empat buah petempatan komuniti Suluk di Lahad Datu. Antara petempatan yang terlibat ialah Kampung Puyut, Kampung Lok Buani, Kampung Tambisan dan Kampung Silam.
- ³ FGD adalah wawancara kelompok dari sejumlah individu dengan status sosial yang relatif sama, yang memfokuskan interaksi dalam kelompok berdasarkan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh penulis yang berperanan sebagai moderator dalam kelompok perbincangan tersebut (Stewart & Shamdasani, 1990; Krueger, 1998; Morgan, 1998 dan T.N Fredian, 2014). Hasil wawancara dari metode FGD adalah berupa suatu manuskrip dari perbincangan kelompok tersebut.
- ⁴ Menurut Kee Sabariah dan Asmaity Amat (2012), orang Suluk digelar sebagai Orang Laut kerana gaya hidup yang gemar akan pelayaran. Mereka juga dikenali sebagai 'tausug' yang berasal dari dua suku kata iaitu 'tau' bermaksud orang dan 'sug' bermaksud arus. Berdasarkan maksud perkataan Tausug ini, sarjana terdahulu menyifatkan bahawa bangsa Suluk sering dikaitkan dengan pekerjaan menongkah arus atau berkaitan dengan pasang surut air laut. Kebanyakan etnik Suluk bermula dengan pekerjaan sebagai nelayan dan mengambil hasil laut seperti mutiara, tripang, agar-agar laut dan lain-lain untuk dijual.
- ⁵ Pada abad ke-18, Kesultanan Sulu merupakan salah satu kuasa politik tempatan di rantau ini yang berlatarbelakangkan kepulauan, menjadikan laut sebagai asas perkembangan ekonomi dan pentas penguasaan politik (Mohammad Raduan, 2006). Kesultanan Sulu menjadikan sumber laut sebagai asas utama keutuhan politik dan perkembangan ekonominya. Wilayah Kesultanan Sulu pada abad ke-18 dan 19 menganjur dari pantai timur Borneo Utara di barat daya hingga ke selatan Pulau Mindanao di timur laut, dan Pulau Palawan di barat laut hingga ke utara Kepulauan Sulawesi di tenggara. Asas kepada kekayaan dan kekuatan politik Kesultanan Sulu yang didominasi oleh orang Tausug ialah pemungutan sumber laut dan perdagangannya. Kekuatan Tausug membuatkan rumpun bangsa Melayu yang lain seperti Maranao, Magindanao, Samal, Yakan, Jama Mapun, Bajau dan lain-lain tunduk kepada pusat pemerintahan Kesultanan Sulu di Jolo. Kekayaan sumber laut ini telah menjadikan Jolo sebagai *regional emporium* dan salah sebuah pusat sejarah di Asia Tenggara.
- ⁶ Zaman Kesultanan Sulu, Borneo Utara (Sabah) telah dibahagikan kepada tiga wilayah atau kawasan utama. Kawasan berkenaan ialah Wilayah Marudu, Wilayah Magindora dan Wilayah Tirun (Hatta Yunus Sabawi, 2011).
- ⁷ Satra merupakan salah seorang responden berbangsa Suluk yang terlibat dalam FGD di Kampung Puyut.
- ⁸ Menurut Nordiana Ab. Jabar (2011), penindasan serta peristiwa memerangi Tausug (Islam) oleh Sepanyol, Amerika Syarikat serta Ferdinand Marcos (Kristian) dilakukan dengan mengisytiharkan undang-undang tentera di Mindanao dan Sulu. Peperangan antara masyarakat Islam dan Kristian dapat dibuktikan melalui kenyataan Prof. Cesar, "perwira-perwira Islam yang setelah menjalani upacara keagamaan dan menunaikan sembahyang semalaman dengan guru agama pada esok harinya akan menyerbu dan menyerang pelanggar-pelanggar Kristian dengan keazaman membunuh seberapa ramai musuh dan mereka ini tidak dijangkakan akan pulang dengan selamat."

- ⁹ Abdul Bakar bin Palah merupakan salah seorang responden dalam kajian ini. Berumur 49 tahun dan berasal dari Lok Buani.
- ¹⁰ Penulisan Wan Shawaluddin Wan Hassan yang bertajuk 'Komuni Suluk dalam Operasi di Sabah telah dibentang dalam Seminar Keselamatan dan Ketenteraman Awam, (SEKAM) 2013 dengan tema 'Kedaulatan dan Kelangsungan Negara. Seminar ini telah diadakan di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah pada 30 November 2013.
- ¹¹ Konsep *authority-define* dan *everyday-define* telah diperkenalkan oleh Shamsul Amri (2011) dalam siri syarahan beliau yang bertajuk 'Kesepaduan dalam Kepelbagaian, Perpaduan di Malaysia Sebagai *Work-In Progress*.'
- ¹² Antara usaha kerajaan terhadap komuniti ialah menekankan pembangunan komuniti. Pembangunan komuniti pada hakikatnya adalah proses peningkatan kualiti kehidupan masyarakat, baik pada aspek sosial, budaya, politik mahupun ekonomi (B. Tamam Achda & Anharuddin Komari, 2012). Menurut beliau, proses ini hendaklah dimulai dari bawah dengan mendahulukan penyertaan aktif komuniti. Hal ini kerana konsep pembangunan komuniti telah diadaptasikan oleh berbagai-bagai pihak dan diterjemahkan secara pelbagai oleh agen yang melakukannya. Lantaran itu, ia dapat merubah budaya pembangunan sosial yang pada dasarnya muncul sebagai reaksi terhadap konsep pembangunan ekonomi yang telah lama mendominasi 'arus perdana' pembangunan.
- ¹³ Dalam mengukuhkan lagi status Suluk sebagai bumiputera Sabah, ia dapat dilihat melalui Sabah Native Ordinance 1952. Menurut Mariapan (2010) dalam Wan Shawaluddin (2013), suku Suluk merupakan antara 72 yang disenarai oleh Muzium Sabah.
- ¹⁴ Menurut Haris Abd. Wahab dan Abd Hadi Zakaria (2012), ramai tokoh perancangan mengakui bahawa salah satu elemen penting dalam perancangan program pembangunan ialah mengambil kira keperluan keperluan sasaran. Menilai keperluan kumpulan sasaran merupakan landasan kepada perancangan sebuah program perkhidmatan yang berkesan untuk pembangunan komuniti.
- ¹⁵ Menurut Shamsul Amri (2011), penggunaan konsep *everyday-define* jelas membantu dalam mengkaji tentang pembinaan identiti, yang memerintah dan diperintah dan pola perilaku dalam ruang politik. Peranan agensi bersifat *everyday-define* jauh lebih penting dan berkesan daripada struktur atau institusi yang bersifat *authority-define*. Hal ini demikian kerana setiap anggota masyarakat majmuk bebas untuk bertindak dan berperilaku prokeamanan, prokeharmonian dan antikeganasan demi *survival* diri, keluarga dan kelompok sosialnya. Tambah Shamsul, jika timbul sebarang konflik, pergeseran dan pertelingkahan disebabkan perbezaan sosial yang sedia ada dalam sesebuah masyarakat majmuk itu, para anggotanya akan segera mencari jalan penyelesaian melalui perundingan dalam pelbagai cara dan bentuk. Umumnya melalui perunding seperti ini terhasil persetujuan, kompromi dan tolak ansur dalam banyak hal. Namun, tidak bermakna semua cabaran, rasa tidak puas hati dan potensi konflik dapat diselesaikan. Ia tetap ada, tetapi dalam keadaan terkawal kerana anggota masyarakat amnya menolak keganasan sebagai jalan penyelesaian perbezaan sosial.
- ¹⁶ Pada tarikh 9 Februari 2013, kumpulan penceroboh memasuki perairan negara menggunakan bot pancung dan berkumpul secara berperingkat di Felda Sahabat 17, Kampung Tanduo, Lahad Datu (Sinar Harian, 2 Mac 2013).
- ¹⁷ Haji Abdul Rani, 74 tahun merupakan antara salah seorang komuniti Suluk yang pernah terlibat dengan Konfrontasi Kalabakan dan Suruhanjaya Cobbold 1963. Menurut beliau, dalam pungutan suara bagi menentukan Sabah memasuki Malaysia atau Filipina, hampir semua komuniti Suluk memilih Sabah memasuki Malaysia berbanding Filipina.
- ¹⁸ Hussin bin Mariasin merupakan salah seorang responden FGD dari Kampung Silam. Berusia 58 tahun dan merupakan Pengerusi JKK Kampung Silam selama empat tahun.

Bibliografi

- Adi Fahrudin. (2012). *Kesejahteraan sosial internasional*. Bandung: Penerbit Alfabeta.
- Adi Fahrudin. (2012). *Pengantar kesejahteraan sosial*. Bandung: Refika Aditama.
- Ahmad Erani Yustika. (2003). *Negara vs. kaum miskin*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ahmad Shukri Mohd Nain & Rosman Md. Yusof. (2003). *Konsep, teori, dimensi & isu pembangunan*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Asmah Ahmad & Rosniza Aznie. (2011). Peralihan demografi dan kesejahteraan sosial masyarakat Melayu: Suatu perbandingan antara Malaysia dan Kemboja. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6(1), 115-123.
- B. Tamam Achda & Anharuddin Komari. (2012). Konsep dan pendekatan pembangunan komuniti. Dlm. Junaenah Sulehan & Noor Rahamah (ed.). *Penyertaan dan Pemerksaan Komuniti Desa Malaysia-Indonesia*. Bangi:Penerbit UKM.
- Haris Abd.Wahab. (2010). *Kesejahteraan sosial dan pembangunan komuniti: Pendekatan dan indikator*. Kertas dibentang di Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Haris Abd. Wahab & Abd Hadi Zakaria. (2012). *Penilaian keperluan dalam pembangunan komuniti*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hatta Yunus Sabawi. (2011). Masyarakat Suluk: Cabaran dan harapan. Dlm. Mohd. Rosli Saludin & Mohd. Fazil Ajak (ed.). *Menjana Transformasi Etnik Suluk*. Kuala Lumpur: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd.
- Irawan Soehartono. (2011). *Metode penelitian sosial; Suatu Teknik penelitian bidang kesejahteraan sosial dan ilmu sosial lainnya*. Bandung:Penerbit PT Remaja Rosdakarya.
- Kee Sabariah & Asmiaty Amat. (2012). Suluk. Dlm. Kntayya Mariappan & Paul Porodong (ed.). *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*. Kuala Lumpur:Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM)–Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- Mohammad Faizal Rashid & Ramli Dollah. (2013). Memaknai kesejahteraan pembangunan masyarakat Pulau Sebatik dari sudut pandang *everyday-defined*. Dlm. Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia ke-7. Strengthening Resilience Enriching Partnership. 22-24 Oktober 2013; Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Mohammad Raduan Mohd Arif. (2006). *Perusahaan perikanan di Sabah*. Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya.
- Nordiana Ab. Jabar. (2011). Islam di Sulu. Dlm. Mohd. Rosli Saludin & Mohd Fazil Ajak (ed.). *Menjana Transformasi Etnik Suluk*. Kuala Lumpur:Crescent News (K.L) Sdn. Bhd.
- Pejabat Daerah Lahad Datu. (2013). *Profil daerah*. Dlm. <http://www.sabah.gov.my/pd.ld/profil-daerah.html>. Diakses pada 28 Mac 2014.

- R.A. Anggraeni. (1996). *Kesejahteraan sosial dalam perspektif pembangunan berwawasan martabat manusia*. Dlm. M.Zainuddin Fananie (ed.). *Pembangunan Berwawasan Martabat Manusia*. Jawa Tengah: Muhammadiyah University Press, Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- R.A Isbandi. (2013). *Kesejahteraan sosial; Pekerjaan sosial, pembangunan sosial dan kajian pembangunan suatu pengantar*. Jakarta:Rajawali Pers.
- Shamsul Amri. (2011). *Siri syarahan: Kesepaduan dalam kepelbagaian, perpaduan di Malaysia sebagai Work-In Progress*. Bangi:Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sinar Harian. (2013). *Kronologi pencerobohan di Lahad Datu*. Dlm. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kronologi-pencerobohan-di-lahad-datu-1.135824>. Diakses pada 28 Mac 2014.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2011). *Kebajikan sosial teori dan praktis*. Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya.
- T.N Fredian. (2014). *Pengembangan masyarakat*. Jakarta:Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Unit Perancang Ekonomi. (2010). *Rancangan Malaysia kesepuluh (2011-2015)*. Dlm. http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMK10_Mds.pdf. Diakses pada 28 Mac 2014.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan. (2013). *Komuniti Suluk dalam konteks operasi di Sabah*. Dlm. Seminar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (SEKAM) 2013. Kedaulatan dan Kelangsungan Negara. 30 November 2013. Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.